



23 Jun 2021
23 June 2021
P.U. (A) 277

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH PENGURUSAN STRATA (PENGECUALIAN KEPADA BADAN PENGURUSAN BERSAMA) 2021

STRATA MANAGEMENT (EXEMPTION TO JOINT MANAGEMENT BODY) ORDER 2021

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGURUSAN STRATA 2013

PERINTAH PENGURUSAN STRATA (PENGECEUALIAN KEPADA BADAN PENGURUSAN BERSAMA) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 151 Akta Pengurusan Strata 2013 [*Akta 757*], Menteri selepas berunding dengan Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pengurusan Strata (Pengecualian kepada Badan Pengurusan Bersama) 2021**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa mulai 18 Mac 2020 hingga 30 Jun 2021.

Pengecualian

2. Menteri mengecualikan badan pengurusan bersama daripada pemakaian peruntukan Akta yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual tertakluk kepada syarat yang dinyatakan dalam ruang (2).

Kecualian

3. (1) Perintah ini hendaklah tidak menjejaskan apa-apa prosiding undang-undang yang telah dimulakan atau penghakiman atau award yang telah diperoleh dalam tempoh mulai 18 Mac 2020 hingga tarikh penyiaran Perintah ini dalam *Warta*.

(2) Apa-apa tindakan yang diambil oleh badan pengurusan bersama di bawah Akta sebelum atau pada permulaan kuat kuasa Perintah ini adalah sah dan hendaklah tidak menjejaskan apa-apa prosiding undang-undang yang dimulakan oleh atau terhadap badan pengurusan bersama itu.

JADUAL
[Perenggan 2]

(1) <i>Peruntukan Akta</i>	(2) <i>Syarat</i>
Subseksyen 21(3)	(a) Apa-apa kontrak yang berhubungan dengan penyenggaraan dan pengurusan mana-mana bangunan atau tanah yang dicadangkan untuk dipecah bahagi kepada petak-petak dan harta bersama di dalam kawasan pemajuan itu hendaklah habis dalam tempoh mulai 18 Mac 2020 hingga 30 Jun 2021; dan (b) Tempoh apa-apa kontrak yang berhubungan dengan penyenggaraan dan pengurusan mana-mana bangunan atau tanah yang dicadangkan untuk dipecah bahagi kepada petak-petak dan harta bersama di dalam kawasan pemajuan itu yang dibuat dalam tempoh mulai 18 Mac 2020 hingga 30 Jun 2021 hendaklah tidak melebihi satu bulan selepas mesyuarat agung tahunan diadakan.
Subseksyen 23(1)	Badan pengurusan bersama hendaklah menubuhkan akaun penyenggaraan atas nama badan pengurusan bersama selewat-lewatnya pada 1 Julai 2021.
Subseksyen 24(1)	Badan pengurusan bersama hendaklah menubuhkan akaun kumpulan wang penjelas atas nama badan pengurusan bersama selewat-lewatnya pada 1 Julai 2021.